

20 OCT 2001

Cash-Belanjawan

PERUNTUKAN UNTUK LUAR BANDAR PERLU DIPANTAU, KATA CASH

KOTA KINABALU, 20 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri harus memastikan semua peruntukan yang disediakan oleh kerajaan persekutuan bagi membasmi kemiskinan khususnya di Sabah dan Sarawak benar-benar disalurkan kepada golongan sasar, kata Presiden Persatuan Pengguna Sabah dan Wilayah Persekutuan (Cash) Patrick Sindu.

Beliau berkata kerajaan negeri perlu memantau pelaksanaan projek-projek membasmi kemiskinan dan pembangunan luar bandar yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Semalam, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat mengumumkan peruntukan RM5.34 bilion untuk pembangunan kemudahan asas di luar bandar.

Daripada jumlah itu, RM185 juta diperuntukkan untuk bekalan air di kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak manakala RM202 juta bagi program kesihatan keluarga di kawasan luar bandar.

Patrick berkata pemantauan terhadap penggunaan peruntukan adalah penting memandangkan sistem pengurusan kewangan di Sabah didapati masih perlu diperbaiki.

Sambil merujuk laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini, beliau berkata laporan itu jelas menunjukkan bahawa kerajaan negeri perlu mengambil langkah memastikan agar pengurusan peruntukan dibuat secara teratur.

Ketua Audit Negara Datuk Dr Hadenan Abdul Jalil dalam laporannya mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Sabah Tahun 1999 menyatakan bahawa beliau mendapati ada kelemahan dari segi kawalan perbelanjaan, pengurusan hasil, akaun pinjaman, kawalan dan penyelenggaraan rekod kewangan di negeri itu.

--BERNAMA

HAK NAK